



MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK-21)

AKTIVITI 1 Sages Share

Tugasan

1. Guru menerangkan kaedah *sages share* kepada murid-murid.
2. Guru mengenal pasti beberapa orang murid yang dapat bertindak sebagai *sages* (murid pintar).
3. Murid-murid yang dikenal pasti ini akan duduk dalam kumpulan tertentu untuk sesi perbincangan berkumpulan.
4. Guru memberikan tajuk perbincangan, iaitu "Cara-cara Menangani Tabiat Merokok di Sekolah".
5. Murid-murid berbincang dan membuat sumbang saran. Setiap murid menerangkan cara-cara menangani masalah merokok dengan lebih lanjut. Murid-murid yang berkenaan akan menandatangani idea yang dikemukakan oleh mereka.
6. Murid-murid lain secara bergilir-gilir akan menemu ramah (*share*) rakan yang menurunkan tandatangan (*sages*) untuk mendapatkan kefahaman yang lebih lanjut tentang ideanya. Idea ini kemudian dikongsi bersama-sama rakan yang lain.

Contoh Cadangan Jawapan

Murid 1	Memberikan kaunseling kepada murid yang terlibat <ul style="list-style-type: none">• menyedarkan mereka tentang bahaya amalan merokok• dapat memudaratkan kesihatan diri• dapat mendedahkan diri mereka kepada penyakit
Murid 2	Ibu bapa menasihati anak-anak supaya menjaga tingkah laku <ul style="list-style-type: none">• memantau aktiviti dan pergerakan anak-anak• mengelakkan diri daripada merokok• menjadi contoh teladan yang baik kepada anak-anak
Murid 3	Pihak sekolah mengenakan hukuman yang berat <ul style="list-style-type: none">• mengambil tindakan yang tegas terhadap murid-murid• hukuman yang dikenakan untuk menyedarkan murid-murid• serik untuk mengulangi perbuatan tersebut
Murid 4	Murid perlu bijak memilih rakan sebaya <ul style="list-style-type: none">• menjauhi rakan-rakan yang merokok• memilih rakan-rakan yang mementingkan pelajaran• memilih rakan-rakan yang dapat dijadikan contoh teladan
Murid 5	Mempergiat kelab yang dapat membantu murid <ul style="list-style-type: none">• misalnya, Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)• memudahkan luahan perasaan dan masalah sesama murid• mengadakan pelbagai aktiviti dan program bulanan untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh murid

AKTIVITI 2 Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)

Tugasan

1. Guru mengajukan soalan yang berkaitan dengan tajuk latihan kesalahan tatabahasa dalam ayat.
2. Pada tahap berfikir (*Think*) ini, setiap murid berfikir secara individu untuk mendapatkan jawapan. Murid-murid diberikan masa selama tiga hingga lima minit. Murid-murid akan mencatat jawapan yang difikirkan oleh mereka.
3. Pada tahap pasang (*Pair*), guru mengarahkan murid-murid duduk secara berpasangan untuk bersama-sama membincangkan jawapan yang diperoleh pada tahap pertama.
4. Murid-murid menyatakan jawapan masing-masing dan berbincang untuk mendapatkan jawapan yang dipersetujui bersama-sama.
5. Pada tahap kongsi (*Share*) ini, murid-murid akan menyatakan jawapan yang diperoleh di hadapan kelas untuk berkongsi dengan rakan yang lain.
6. Guru membuat rumusan dengan menyatakan jawapan yang betul.

Contoh Cadangan Soalan

Set 1

1. Tiap hari, Fahizal dan adiknya ke sekolah dengan menunggang basikal.
2. Pekerja Jabatan Kerja Raya memperlebarkan jalan raya di simpang itu untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.
3. Keindahan alam semula jadi di Kundasang sungguh mengujakan para pelancong-pelancong.

Set 2

1. Perkembangan teknologi kini mengalami perubahan yang begitu pesat, terutamanya di dalam bidang informasi dan komunikasi.
2. Pusat sumber sekolah harus memainkan peranan penting demi untuk meningkatkan pencapaian akademik murid.
3. Pelancaran program sambutan Bulan Kemerdekaan yang diadakan di Dataran Merdeka pada tahun ini paling meriah sekali.

AKTIVITI 3 Kerusi Panas (Hot Seat)

Tugasan

1. Guru mengemukakan soalan yang berkaitan dengan aspek-aspek sastera yang terdapat dalam novel yang dipelajari.
2. Murid-murid diberikan masa untuk membuat rujukan dan persediaan terlebih dahulu.
3. Seorang murid dipilih ke hadapan kelas untuk bertindak sebagai "watak" dalam aktiviti ini.
4. Murid-murid lain akan mengemukakan soalan yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan.
5. Murid yang bertindak sebagai "watak" akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan berkaitan dengan novel yang telah dipelajari.

Cadangan Bahan Rangsangan

Perwatakan watak utama dalam novel tingkatan 1

Destinasi Impian

- Watak utama: Firdaus
 - Berperwatakan keperempuanan
 - Insaf akan kesalahan diri
 - Sanggup menghadapi cabaran



Formula Termodinamik

- Watak utama: Amir
 - Penuntut tahun akhir Diploma Kejuruteraan Am
 - Kreatif dan Inovatif
 - Sedia berkongsi ilmu dengan orang lain

Pelari Muda

- Watak utama: Kamarul
 - Murid tingkatan lima
 - Pendendam
 - Tidak menepati janji

Sejambak Bakti

- Watak utama: Razali
 - Murid tingkatan lima
 - Bercita-cita tinggi
 - Menghormati orang tua

AKTIVITI 4 Pilih dan Jawab (Pick and Answer)

Tugasan

1. Guru membahagikan murid-murid kepada lima kumpulan. Guru menomborkan murid dengan nombor 1 hingga nombor 5.
2. Guru menyediakan beberapa sampul yang mengandungi soalan peribahasa berserta jawapan kepada setiap kumpulan.
3. Murid bernombor 1 akan memilih satu sampul dan meletakkan kad soalan sahaja di atas meja dan membacakan soalan yang terdapat pada kad tersebut.
4. Murid bernombor 2, 3, 4, dan 5 dikehendaki supaya menjawab soalan yang terdapat dalam kad tersebut dengan menulis jawapan masing-masing.
5. Setelah semua murid selesai menjawab soalan yang diberikan, murid bernombor 1 akan mengeluarkan kad jawapan dari sampul dan menyemak jawapan rakannya yang lain.
6. Murid bernombor 2 akan mengulang langkah 3 hingga 5. Permainan diteruskan dengan murid yang berbeza sehingga semua soalan selesai dijawab.

Cadangan Bahan Rangsangan

Kad 1	Syarikat minyak itu terpaksa _____ kerana mengalami kerugian besar.	Jawapan Kad 1	gulung tikar
Kad 2	Encik Zainal _____ untuk menyelesaikan masalah peribadi yang dihadapinya.	Jawapan Kad 2	mati akal
Kad 3	Peniaga di bazar ramadan itu _____ apabila tiba musim hujan.	Jawapan Kad 3	putus rezeki
Kad 4	Walaupun Aini murid baharu di sekolah itu, namun dia mempunyai ramai kawan kerana dia _____.	Jawapan Kad 4	ringan mulut
Kad 5	_____ Sulaiman berubah marah apabila Roshidi mengejeknya.	Jawapan Kad 5	Air muka

AKTIVITI 5 Satu Tetap Tiga Lilau (*Three Stray One Stay*)

Tugasan

1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan, iaitu empat orang murid dalam satu kumpulan. Setiap kumpulan diberikan satu isi untuk dibincangkan, iaitu berkaitan dengan tajuk punca-punca berlakunya gejala buli.
2. Guru menyenaraikan perkara yang perlu dibincangkan bagi menyeragamkan pemerolehan maklumat, iaitu ayat topik, ayat huraian, ayat contoh, dan ayat penegas.
3. Murid-murid mencatatkan maklumat yang dibincangkan pada kertas mahjung.
4. Setelah selesai aktiviti perbincangan dalam kumpulan, seorang murid akan ditinggalkan dalam kumpulan sebagai penyampai maklumat kepada ahli kumpulan lain manakala tiga orang murid yang lain akan bergerak ke stesen yang lain untuk mendapatkan maklumat dalam masa yang ditetapkan.
5. Murid-murid dikehendaki supaya menyalin maklumat yang diperoleh dalam buku latihan.

Contoh Cadangan Jawapan

Punca-punca Berlakunya Gejala Buli

Kumpulan 1

Isi: Kurangnya didikan agama dalam diri murid atau pembuli

Kumpulan 2

Isi: pengaruh rakan sebaya

Kumpulan 3

Isi: mempunyai latar belakang masalah emosi yang melampau

Kumpulan 4

Isi: pengaruh media massa

Kumpulan 5

Isi: Kurangnya pengawasan dan disiplin yang longgar di sekolah